


Headline	Pusat sehenti jualan herba		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	20	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	300 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,818
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,455



Pusat sehenti jualan herba

Putrajaya: Penjualan herba tidak seharusnya dibuat menerusi kaedah lama atau tertumpu kepada peringkat bawahan saja kerana keadaan itu menyukarkan penembusan industri berkenaan ke pasaran premium dan seterusnya global.

Berikutan itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, kerajaan bercadang mewujudkan Pasar Herba di negara ini yang menghimpunkan pelbagai herba dan produk di negara ini.

Menurutnya, pasar yang diwujudkan itu bercirikan pusat sehenti serta dalam keadaan bersih, sekali gus memudahkan pengguna termasuk pelancong asing mendapatkan herba dan produk berasaskannya.

“Kita tidak mahu herba yang dianggap melengkapkan atau menjadi perubatan pilihan alternatif ini hanya dikaitkan penjualannya di tempat menengah atau bawahan dan bukan peringkat premium.

“Alternatif herba di pasaran ini jika dahulu orang memanggilnya sebagai bomoh, penjual akar kayu selain menjualnya di kaki lima atau perhentian bas sedangkan kita lihat perkembangan industri herba ini sebenarnya boleh pergi jauh ke hadapan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas

merasmikan **Persidangan Industri Herba 2015** di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

Pada majlis itu, Ahmad Shabery turut merasmikan **Sistem Rantaian Industri Herba (SRI Herba)** yang diwujudkan FRIM.

Dalam pada itu, Ahmad Shabery berkata, bagi mewujudkan Pasar Herba berkenaan, kementeriannya perlu bekerjasama dengan pihak yang berkaitan dalam mencari pemilihan lokasi sesuai.

“Ini satu cabaran kepada kita kerana jika tidak melakukan pembaharuan ini, herba dan produknya hanya dijual di tempat tertentu saja,” katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, Malaysia perlu mempunyai identiti herba sendiri sekiranya mahu produk keluaran negara menembusi pasaran global.

“Kita perlu menghasilkan identiti sendiri dan selepas itu, akan ada produk lain yang mengikut kaedah ini memandangkan Malaysia juga satu daripada negara pengeluar herba.

“Ia kerana sifat negara kaya hutan belantara dan sumber yang begitu besar selain keadaan bumi Malaysia banyak rahsia dari segi perubatan,” katanya.

Headline	Pusat sehenti jualan herba		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	20	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	300 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,818
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,455

